

Berita Harian MALAYSIA

ISNIN, 29 OKTOBER, 1979

Mengharapkan yang baik...

DATUK Seri Dr. Mahathir berkata Malaysia bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan dari perkembangan-perkembangan di Kampuchea dan angkatan bersenjata diperbesar secara yang sistematik. Timbalan Perdana Menteri berkata lagi adalah amalan biasa bagi mana-mana negara pun memperbesar angkatan bersenjatanya dari semasa ke semasa.

Jadi apa yang disebut oleh Datuk Seri Dr. Mahathir itu tidaklah harus menggemparkan sesiapa pun bahawa negara kita terancam dan peperangan tidak dapat dielakkan. Apa yang perlu diingat ialah bilangan penduduk negara kita telah bertambah dan angkatan bersenjatanya malah pasukan polisinya pun harus ditambah untuk menjaga keamanan dan melindungi rakyat yang semakin ramal itu. Itulah sebabnya pasukan polis pun khabarnya mahu kira-kira 14,000 orang lagi anggota baru.

Angkatan bersenjata kita juga patutlah diperbesar seiringan dengan pembesaran pasukan polis dan dilengkapi dengan senjata-senjata yang paling modern sesuai dengan keadaan sekarang. Tidaklah guna kalau bilangan ahlinya sahaja ditambah tetapi kelengkapannya tidak dipermodernkan dengan senjata-senjata paling baik yang boleh didapati.

Walaupun katalah keadaan di Indochina itu amnya tenang dan aman, tetapi kita mesti juga dari semasa ke semasa menambah kekuatan pasukan-pasukan keselamatan kita untuk menjaga keamanan dalam negeri dan bersiap sedia mempertahankan negara kita pada bila-bila masa jua, kerana sebagai sebuah negara yang merdeka, kitalah sendiri yang bertanggungjawab terhadap keselamatan kita, dan tidak orang lain.

Dalam segala pertimbangan mengenai masalah keselamatan ini, kita harus berpandu kepada peribahasa mengharapkan yang baik dan bersedia bagi yang buruk. Dan kerana kita tidak ada niat hendak mencero boh atau campurtangan dalam hal-hal dalam negeri negara-negara lain, maka kita tentulah dapat membuat persiapan ini dengan lebih teratur dan sempurna, sesuai dengan keadaan kita sebagai sebuah negara kecil. Sebagaimana kata Timbalan Perdana Menteri: "Kerana Malaysia bukanlah sebuah kuasa besar, maka kita memperbesar angkatan bersenjata kita hanya dalam kemampuan kita."

Kalau pembesaran angkatan bersenjata kita telah dipergiatkan dalam setahun yang lalu, maka itu semata-mata kerana menurut keadaan. Tetapi kita tidaklah memperbesarannya di luar kemampuan atau hingga melupakan kepentingan-kepentingan lain.